



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2545
Faks : 603-8889 5542
E-mail : hasar@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA

Bagi Minggu 10/2012 (4 hingga 10 Mac 2012)

Pada minggu ke sepuluh tahun 2012 iaitu bagi tempoh 4 hingga 10 Mac, sejumlah 504 kes demam Denggi dengan tiada kematian dilaporkan berbanding 567 kes dengan dua (2) kematian pada minggu sebelumnya (Lampiran A). Sebanyak enam (6) negeri menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu Pulau Pinang meningkat sebanyak 12 kes (120%), Perlis 3 kes (50%), Sabah 3 kes (38%), Perak 9 kes (28%), WP Kuala Lumpur & Putrajaya 8 kes (19%) dan Sarawak 4 kes (19%).

Pada tahun 2012, bermula dari 1 Januari hingga 10 Mac, sebanyak 5,184 kes dilaporkan, meningkat sebanyak 739 kes atau 17% berbanding 4,445 kes bagi tempoh yang sama tahun 2011. Pada tempoh yang sama juga, sebanyak 16 kematian akibat demam Denggi dilaporkan berbanding hanya 8 kematian pada tahun 2011.

Sejumlah 115 lokaliti daripada 20 daerah mengalami wabak pada minggu lepas berbanding pada minggu sebelumnya (18 daerah) dan 5 daripadanya adalah lokaliti *hotspot* iaitu 1 *hotspot* di WP Kuala Lumpur & Putrajaya, 2 *hotspot* di daerah Hulu Langat serta 2 lagi di daerah Petaling. Dua (2) atau 40% daripada 5 lokaliti *hotspot* masih mempunyai kadar pembiakan Aedes melebihi kadar sensitif (Lampiran C). Didapati 80% tempat pembiakan dijumpai di luar rumah iaitu di

dalam baldi, tayar, tempayan dan bekas plastik. Penduduk adalah diingatkan untuk sentiasa memeriksa kawasan dalam dan luar rumah untuk memastikan tiada pembiakan Aedes.

Memandangkan negara kita sedang mengalami musim hujan yang tidak menentu, ini akan menyebabkan air bertakung di dalam bekas yang boleh menakung air dan menjadi tempat nyamuk Aedes bertelur. Hanya dalam tempoh seminggu telur nyamuk akan menjadi nyamuk dewasa dan boleh menyebarkan virus Denggi. Tambahan pula, jumlah kes masih tinggi dan tren jangkitan masih meningkat. Oleh demikian, orang awam perlu bekerjasama untuk menghapuskan tempat pembiakan nyamuk supaya kejadian wabak dapat dibendung.

Penyakit demam Denggi amat berbahaya. Pesakit yang telah dijangkiti demam Denggi boleh mengalami komplikasi penyakit ini, seawal tempoh 3 hari selepas dijangkiti. Komplikasi demam Denggi yang selalu berlaku adalah demam Denggi Berdarah atau *Dengue Shock Syndrome*, yang boleh menyebabkan kematian.

Oleh itu, masyarakat perlu meluangkan masa sekurang-kurangnya 10 minit seminggu untuk menghapuskan tempat-tempat pembiakan Aedes. Langkah pencegahan yang mudah dan kos efektif ini boleh dilakukan oleh semua peringkat masyarakat dan ianya dapat menyelamatkan banyak nyawa termasuklah orang yang anda sayangi.

DATO' SRI DR HASAN ABDUL RAHMAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

12 Mac 2012

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 10/2012
(4 hingga 10 Mac 2012)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 10/2012	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 10/2011
		Minggu 10 (4 – 10 Mac 2012)	Minggu 9 (26 Feb – 3 Mac 2012)		
1	Perlis	9	6	42	19
2	Kedah	10	19 (1)	149 (1)	117
3	P. Pinang	22	10 (1)	191 (1)	365 (1)
4	Perak	41	32	383 (1)	286
5	Selangor	219	276	2,349 (8)	1,552 (1)
6	WPKL & Putrajaya	51	43	515 (3)	314
7	N. Sembilan	9	10	90 (1)	135
8	Melaka	10	19	152	123
9	Johor	35	38	331	471 (4)
10	Pahang	15	19	165	254 (1)
11	Terengganu	9	22	202	222 (1)
12	Kelantan	38	43	305	180
13	Sarawak	25	21	204	274
14	Sabah	11	8	102 (1)	129
15	WP Labuan	0	1	4	4
	MALAYSIA	504	567 (2)	5,184 (16)	4,445 (8)

Nota: () Kematian

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* DILAPORKAN SEHINGGA MINGGU
10 BAGI TAHUN 2012**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	WPKL	Klang Lama	PPR Pantai Ria	6	38
2	Selangor	Hulu Langat	Apartment Taman Setia Balakong	7	38
3	Selangor	Petaling	PJU 5 Seksyen 4, Gugusan Semarak	6	37
4	Selangor	Hulu Langat	Taman Seri Emas	4	32
5	Selangor	Petaling	PJS 8 Apartment Mentari Court 2	4	31

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* YANG MASIH MEMPUNYAI KADAR
PEMBAIKAN NYAMUK AEDES YANG TINGGI PADA MINGGU 10
BAGI TAHUN 2012
(4 hingga 10 Mac 2012)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Peratus rumah positif daripada jumlah rumah diperiksa (%)	Jum. bekas positif daripada 100 rumah diperiksa
1	SELANGOR	Hulu Langat	Apartment Taman Setia Balakong	100.0	100
2	WPKL	Lembah Pantai	PPR Pantai Ria	4.4	4